**PRASARANA MALAYSIA BERHAD**
**(Company No. 467220-U)**
***(Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)***

Prasarana Malaysia Berhad ("Prasarana") adalah sebuah syarikat milik penuh Kerajaan yang ditubuhkan bagi melancarkan, melaksanakan dan mempercepatkan projek infrastruktur awam yang telah diluluskan oleh Kerajaan. Prasarana dan syarikat kumpulannya merupakan pemilik aset dan pengendali perkhidmatan Laluan Ampang, Laluan Kelana Jaya, Laluan Shah Alam, Laluan KL Monorail dan rangkaian bas di Lembah Klang, Pulau Pinang serta Bus Rapid Transit ("BRT") Laluan Sunway dan juga pengendali perkhidmatan Mass Rapid Transit ("MRT") Laluan Kajang dan Laluan Putrajaya.

## TENDER TEMPATAN

| TAJUK DAN NO. RUJUKAN TENDER | SESI TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK (MANDATORI) | TARIKH PERMOHONAN DOKUMEN TENDER | HARGA DOKUMEN TENDER | TEMPAT SERAHAN DAN MASA & TARIKH TUTUP TENDER |
|---|---|---|---|---|
| **TENDER 1:**<br>**APPOINTMENT OF THE CONTRACTOR TO PERFORM THE CLEANING SERVICES FOR KELANA JAYA LINE ("KJL")**<br>**Tender untuk 2 Pakej: -**<br>**Pakej A: Stesen; dan/atau**<br>**Pakej B: Stok Rel**<br><br>NO TENDER:<br>PRASARANA/GPD/CORP(S)/ 205/241/2026<br><br>**TENDER 2:**<br>**APPOINTMENT OF THE CONTRACTOR TO PERFORM THE CLEANING SERVICES FOR RAPID BUS AND ROD VAN ("RKL & MRT FEEDER")**<br><br>NO TENDER:<br>PRASARANA/GPD/CORP(S)/ 208/246/2026<br><br>**TENDER 3:**<br>**APPOINTMENT OF THE CONTRACTOR TO PERFORM THE CLEANING SERVICES FOR AMPANG LINE ("AGL")**<br>**Tender untuk 2 Pakej: -**<br>**Pakej A: Stesen; dan/atau**<br>**Pakej B: Stok Rel**<br><br>NO TENDER:<br>PRASARANA/GPD/CORP(S)/ 207/245/2026 | **1) Taklimat Tender Fizikal (Tender 1 – 3)**<br><br>**Tarikh/Hari:** 2 September 2026/Rabu<br>**Masa:** 10.30 pagi – 12.30 tengah hari<br>**Lokasi:** Dewan Tan Sri Jamaluddin Ibrahim, Menara Prasarana<br><br>**2) Lawatan Tapak Fizikal**<br><br>**TENDER 1: KJL (*)**<br><br>**Tarikh/Hari:** 2 September 2026/Rabu<br>**Masa:** 2.30 petang – 4.30 petang<br>**Lokasi Perjumpaan:** Lobi Depoh Subang<br>**Lokasi Lawatan Tapak:**<br>a) Depoh Subang;<br>b) Stesen LRT Lembah Subang; dan<br>c) Stesen LRT Kg Baru<br><br>**TENDER 2: RKL & MRT FEEDER (*)**<br><br>**Tarikh/Hari:** 2 September 2026/Rabu<br>**Masa:** 2:30 petang – 5:30 petang<br>**Lokasi Perjumpaan:** MRT Depoh Bas, Sungai Buloh<br>**Lokasi Lawatan Tapak:**<br>a) MRT Depoh Bas, Sungai Buloh; dan<br>b) Depoh Bus, Shah Alam<br><br>(*) Lawatan tapak bagi Tender 1 dan Tender 2 akan diadakan **secara serentak**. Petender yang berhasrat menyertai tender tersebut hendaklah memastikan wakil syarikat **hadir** ke **kedua-dua** sesi lawatan tapak.<br><br>**TENDER 3: AGL**<br><br>**Tarikh/Hari:** 3 September 2026/Khamis<br>**Masa:** 10.30 pagi – 3.30 petang<br>**Lokasi Perjumpaan:** Lobi Bangunan Pentadbiran, Depoh Ampang<br>**Lokasi Lawatan Tapak:**<br>a) Lobi Bangunan Pentadbiran, Depoh Ampang;<br>b) Depoh LRT Maluri;<br>c) Penyelenggaran ROW – Chan Sow Lin; dan<br>d) Depoh KKSB<br><br>**Nota:**<br>Bagi Petender yang berminat untuk menghadiri taklimat tender, sila kemukakan butiran syarikat dan wakil anda melalui e-mel seperti yang dinyatakan di perkara 6 di bawah tiga (3) hari sebelum sesi taklimat. | Akses kepada Dokumen Tender akan diberikan melalui Portal SAP Ariba pada<br><br>**4 September 2026 (Jumaat)**<br><br>sehingga<br><br>**11 September 2026 (Jumaat)**<br><br>**Nota:**<br>Petender dikehendaki mendaftar sebagai vendor Prasarana di:<br>http://prasarana.supplier.ariba.com/register | **(Tidak Berkenaan)**<br>Percuma | **Melalui Portal SAP Ariba**<br><br>pada<br><br>**2 Oktober 2026 (Jumaat)**<br><br>Sebelum<br><br>**12:00 tengah hari** |

**Nota: Masa-masa yang dinyatakan di sini adalah berdasarkan waktu (GMT+8, KUL) Malaysia.**

## KELAYAKAN MANDATORI PETENDER

1. **Keperluan Teknikal** – Petender **MESTI**: -
   1.1 Berdaftar sebagai **Syarikat Tempatan** dengan **Kementerian Kewangan Malaysia ("MOF")** bagi perkhidmatan Pembersihan dan Rawatan di bawah kod berikut:

| | Stesen | | | Stok Rel |
|---|---|---|---|---|
| | **Pembersihan Bangunan dan Pejabat** | **Membersih Kawasan** | **Mengangkat Sampah** | **Membersih Kenderaan** |
| **Tender 1 – KJL** | 221001 | 221002 | 221003 | 221004 |
| **Tender 2 – RKL & MRT FEEDER** | Tidak Berkenaan | Tidak Berkenaan | Tidak Berkenaan | 221004 |
| **Tender 3 – AGL** | 221001 | 221002 | 221003 | 221004 |

2. **Keperluan Kewangan** - Petender **MESTI**: -
   2.1 Mengemukakan Penyata Kewangan Beraudit yang terkini untuk tiga (3) tahun berturut-turut yang telah ditandatangani dan difailkan dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia ("SSM")** selaras dengan Akta Syarikat 2016. Penyata Kewangan Beraudit yang terkini mesti bertarikh tidak melebihi 18 bulan sebelum tarikh tutup tender; dan
   2.2 Mempunyai minimum Modal Saham sebanyak RM10,000.00.

1. Petender adalah dipelawa daripada syarikat yang berpengalaman serta berdaftar dengan kelayakan mandatori seperti yang diperincikan di dalam jadual di atas.
2. Bagi Sesi Taklimat dan Lawatan Tapak, semua Petender yang berminat hendaklah memenuhi keperluan **MANDATORI** seperti berikut:
   i. Terhad kepada dua (2) orang Wakil sahaja dan Wakil tersebut mempunyai pengetahuan mengenai Tender & Kontrak bagi kerja yang dimaksudkan. Wakil tersebut **MESTI** diberi kuasa mewakili oleh pihak Syarikat.
   ii. Memakai Kelengkapan Pelindung Diri (jaket, topi dan kasut keselamatan) untuk Lawatan Tapak; dan Prasarana **TIDAK** akan melayan sebarang permintaan Petender yang tidak memenuhi semua keperluan Mandatori yang tertera di atas.
3. Dokumen Tender akan mula dikongsi seperti tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam jadual di atas. Dokumen Tender **HANYA AKAN DIBERI (BERDASARKAN PERMINTAAN)** kepada Petender yang menghadiri sesi **MANDATORI** Taklimat & Lawatan Tapak dan memenuhi Keperluan Teknikal **MANDATORI**. Prasarana **TIDAK** akan melayan sebarang permintaan untuk mendapatkan Dokumen Tender sebelum dan/atau selepas dari tarikh yang tertera.
4. Dokumen Tender hanya akan dikongsi kepada wakil Petender yang sah ("bona fide") sahaja. Untuk tujuan tersebut, wakil-wakil Petender **DIWAJIBKAN** membawa surat pengesahan sebagai wakil Petender beserta Sijil **ASAL DAN SALINAN** Yang Telah Disahkan oleh Setiausaha Syarikat atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A bagi sijil-sijil di atas termasuk sijil pemerbadan syarikat yang sah di bawah SSM, MOF atau pihak berkuasa Tempatan yang setara untuk mengesahkan kelayakan Petender.
5. Diingatkan kepada semua Petender bahawa setiap salinan dokumen yang dikemukakan mestilah disahkan sebagai **SALINAN** benar oleh pihak yang diberi kuasa, seperti Setiausaha Syarikat, Notaris Awam, atau pihak berkuasa yang setara.
6. Sebarang pertanyaan mengenai Tender di atas boleh diajukan kepada Perolehan Kumpulan di talian 03-76143333, sambungan: 3413/3414/3415 atau emel di procurement.corporate@prasarana.com.my. Maklumat lanjut mengenai iklan ini boleh dilayari di laman web kami www.prasarana.com.my/tenders/